

**Penyatuan Politik UMNO dan PAS Pasca Pru-14 Sehingga Kejatuhan  
Kerajaan Pakatan Harapan Pada Tahun 2020**

***(Political Unification of UMNO and Pas Post-14th General Election Until the  
Fall of The Pakatan Harapan Government In 2020)***

**Muhammad Amir Asyraf Mohd Sabri<sup>1</sup>, Sivamurugan Pandian<sup>1\*</sup>**

<sup>1</sup>Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia, 11800 Pulau Pinang,  
Malaysia

\*Corresponding author: Sivamurugan Pandian (psiva@usm.my)

**ABSTRAK**

Kajian ini membincangkan mengenai penyatuan politik antara UMNO dan PAS pasca PRU-14 sehingga kejatuhan kerajaan PH pada tahun 2020. Kajian ini memfokuskan kepada kerjasama dan penyatuan antara parti UMNO dan PAS yang berkongsi ideologi yang sama iaitu Melayu dan Islam sejak berakhirnya PRU-14 yang lalu. Pelbagai faktor telah diambil kira dan hasilnya, penyatuan ini berlaku kerana persefahaman antara kedua-dua parti ini, perjuangan kearah isu yang sama serta kerajaan Pakatan Harapan sendiri yang tidak kompeten serta tidak sensitif dalam menangani isu yang melibatkan Melayu dan Islam. Melalui reka bentuk kajian kualitatif, hasil kajian ini telah berjaya menunjukkan kesan yang signifikan terhadap penyatuan ini. Kesan penyatuan UMNO dan PAS dibawah Muafakat Nasional telah memperlihatkan kemenangan BN dalam beberapa siri pilihan raya kecil serta kejayaan UMNO dan PAS dalam menjuarai isu-isu yang tidak mampu ditangani oleh PH khususnya melibatkan Melayu dan Islam yang merupakan isu yang sensitif di samping ketidakupayaan kerajaan PH dalam menjadi sebuah kerajaan yang lebih baik daripada kerajaan BN sebelum ini.

**Kata kunci:** Penyatuan UMNO dan PAS, Melayu Islam, Muafakat Nasional

**ABSTRACT**

This study discusses the political unification between UMNO and PAS post-14th General Election until the fall of the Pakatan Harapan government in 2020. The study focuses on the cooperation and unity between UMNO and PAS, which share the same ideology of Malay and Islam since the conclusion of the 14th General Election. Various factors have been taken into account, and as a result, this unification occurred due to the understanding between both parties, their shared struggles on similar issues, and the incompetence and insensitivity of the Pakatan Harapan government in addressing issues involving the Malay community and Islam. Through a qualitative research design, this study has successfully demonstrated significant effects on this unification. The impact of UMNO and PAS under Muafakat Nasional has been evident in the victory of BN in several by-elections, as well as in UMNO and PAS's success in championing issues that PH was unable to address, particularly those related to the Malay community and Islam, which are sensitive issues, alongside the inability of the PH government to be a better government than the previous BN administration.

Keywords: UMNO and PAS Unification, Malay Islam, Muafakat Nasional

## **1. Pengenalan**

Pilihanraya Umum ke-14 (PRU-14) yang lalu menyaksikan Barisan Nasional (BN) tumbang buat pertama kali dalam selepas lebih 61 tahun memerintah. PRU-14 menyaksikan Pakatan Harapan yang dipimpin oleh Tun Dr. Mahathir menang 121 kerusi bersama-sama Parti Warisan Sabah (WARISAN) dibawah pimpinan Datuk Seri Shafie Apdal manakala BN hanya memperoleh 79 kerusi. Parti Islam Semalaysia (PAS) yang berada di bawah gabungan Gagasan Sejahtera hanya memperoleh 18 kerusi. Selepas PRU-14, situasi politik di Malaysia menjadi semakin menarik untuk dikaji apabila dua buah parti berasaskan Melayu Islam mula bekerjasama setelah sekian lama berkonflik. PRU-14 juga menyaksikan gelombang penyatuan khususnya dalam kalangan Melayu Islam menjadi semakin kuat sehingga mampu menyatukan dua parti yang sudah sekian lama bersengketa iaitu UMNO dan PAS. Gelombang ini wujud kerana dasar-dasar yang dibuat oleh kerajaan PH dilihat tidak condong ke arah masyarakat Melayu Islam dan wujud juga dasar-dasar baharu yang cuba mengubah landskap politik Melayu yang telah mendatangkan kemarahan orang Melayu. Oleh itu, adalah menjadi tujuan penulisan artikel ini adalah untuk menganalisis proses penyatuan politik UMNO dan PAS pasca PRU-14 pada tahun 2018 sehingga awal 2020 iaitu sebelum kejatuhan kerajaan PH dengan melihat kepada pelbagai sudut yang akan dianalisis dengan lebih lanjut melalui artikel ini.

## **2. Faktor Penyatuan UMNO dan PAS**

Sebelum PRU-14, hubungan antara UMNO dan PAS melalui fasa naik dan turun. PAS pada satu ketika, merupakan antara penentang UMNO yang paling kuat, terutamanya ketika mereka masih bersama dengan Pakatan Rakyat (PR). Tetapi dalam sesetengah keadaan, kedua-dua parti ini boleh bersatu atas dasar yang sama iaitu Melayu dan Islam. Hubungan pasang surut ini menampilkan kesan yang positif dalam 10 tahun yang terakhir sebelum Muafakat Nasional diwujudkan. Bibit-bibit penyatuan ini bermula sejak UMNO tidak meletakkan calon dalam PRK DUN Cempaka pada Mac 2015 atas dasar menghormati Almarhum Tuan Guru Datoo' Nik Abdul Aziz Nik Mat yang meninggal dunia pada 2015 sekaligus menyebabkan kerusi DUN Cempaka kosong. Malah kesediaan UMNO untuk menyokong Undang-undang Hudud dilaksanakan di Kelantan turut menunjukkan kesediaan parti itu untuk bekerjasama atas dasar agama dan bangsa (Mohammad Taufik, 2016). Presiden PAS juga turut menghargai sokongan yang ditunjukkan oleh UMNO terhadap pembentangan Rang Undang-undang 355 (RUU 355) yang cuba dibawa oleh PAS pada tahun 2016 (BH Online, 2016). Hal ini menunjukkan bahawa bibit-bibit penyatuan ini sebenarnya berlaku bukan sahaja sejak pasca PRU-14, malah sebelum itu lagi.

Selepas PH memenangi PRU-14, secara rasminya BN dan PAS menjadi pembangkang manakala PH pula adalah kerajaan. Namun begitu, tidak sampai sebulan PH memerintah, PH telah mula melakukan perkara yang mengundang bantahan masyarakat Melayu Islam dan ianya menyebabkan UMNO dan PAS menjadi tempat untuk mereka mengadu dan memohon nasib mereka dibela. Tidak sampai sebulan PH memerintah, mereka telah melantik Tan Sri Tommy Thomas sebagai Peguam Negara, seorang peguam bukan Melayu Islam. Lebih teruk lagi, beliau juga dikenali sebagai seorang peguam yang banyak mengkritik institusi Raja-raja Melayu dan menganggap Malaysia bukan negara Islam. Menurut Tan Sri Annuar Musa, pelantikan Tommy Thomas sebagai Peguam Negara bukan sahaja tidak selari dengan Perkara 3(1) Perlembagaan Persekutuan, tetapi pada masa yang sama turut bercanggah dengan manifesto yang dibuat oleh kerajaan PH sendiri iaitu Peguam Negara akan dilantik dari kalangan ahli parlimen yang

berkelayakan dan beliau akan menjadi seorang menteri yang boleh meneruskan peranan sebagai penasihat undang-undang (UMNO Online, 2018). Pada masa yang sama, ada juga pemimpin PAS yang turut mempertikaikan pelantikan Tommy Thomas sebagai Peguam Negara. Nasrudin Hassan dalam kenyataan di laman sosial facebook beliau mempertikaikan tindakan kerajaan PH yang melantik Tommy Thomas sebagai Peguam Negara kerana faktor beliau yang banyak menulis mengenai Malaysia sebagai sebuah negara sekular dan turut mempertikaikan tindakan PH yang tetap ingin melantik beliau sebagai Peguam Negara walaupun ditolak oleh Yang Di-Pertuan Agong (Nasrudin Hassan, 2018).

Seterusnya, kerajaan PH terus dilihat gagal dalam menangani isu yang melibatkan kaum apabila tersebarnya video Menteri di Jabatan Perdana Menteri, P Waytha Moorthy yang keterlaluan dan boleh mengundang perpecahan kaum di Malaysia. Dalam video yang dirakam kira-kira 10 tahun yang lalu, Waytha Moorthy mengatakan bahawa berlaku pelanggaran hak asasi manusia di Malaysia di mana beliau mengatakan bahawa kaum india dipaksa untuk memeluk agama Islam, kuil-kuil india dirobohkan dan pelbagai lagi perkara yang menimbulkan kemarahan umat Islam di Malaysia. Penyebaran video lama ini telah menimbulkan tanda tanya kepada kerajaan PH mengenai keupayaan mereka dalam menangani isu kaum apabila melantik seorang menteri yang bersikap perkauman terhadap kaum lain. Video yang tular ini juga telah menyebabkan pelbagai pihak termasuklah UMNO, PAS serta badan bukan kerajaan (NGO) Melayu Islam membuat laporan polis di seluruh negara. Laporan polis bersama juga turut dibuat yang melibatkan parti politik serta NGO Melayu Islam sepertimana di Melaka pada November 2018. Laporan polis ini dibuat ketika Waytha Moorthy menghadapi kemarahan masyarakat Melayu Islam kerana kenyataan beliau terhadap ratifikasi ICERD.

Faktor yang paling penting dalam penyatuan antara UMNO dan PAS adalah apabila kerajaan PH ingin meratifikasikan ICERD. ICERD atau maksudnya ialah International Convention on the Elimination of All Forms of Racial Discrimination (ICERD) merupakan satu konvensyen dibawah Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) yang dilakukan bertujuan untuk menghapuskan segala bentuk diskriminasi terhadap kaum atau etnik. Pada 28 September 2018, Tun Dr. Mahathir telah menyatakan pada Perhimpunan PBB bahawa Malaysia akan meratifikasikan ICERD bersama dengan lima lagi konvensyen lain. Tetapi perkara tersebut telah dipertikaikan oleh Khairy Jamaluddin yang menyatakan kerisauan mengenai dan keistimewaan Bumiputera serta kedudukan Melayu dan Islam dalam negara. Tetapi kenyataan tersebut telah diabaikan oleh Waytha Moorthy dengan menyatakan bahawa kerajaan akan tetap meratifikasikan ICERD dan akan bergerak kearah meratifikasikan konvensyen tersebut menjelang suku pertama 2019. Kenyataan beliau telah dibantah oleh parti-parti pembangkang khususnya daripada UMNO dan PAS. Tidak terhenti disitu, UMNO dan PAS juga telah mengadakan himpunan aman secara besar-besaran bersama-sama dengan NGO lain dimana himpunan ini dipanggil HIMPUNAN 812. Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi dalam satu kenyataan menyatakan bahawa UMNO tidak akan berkompromi dalam soal meratifikasikan ICERD yang dilihat seolah-olah Malayan Union 2.0. beliau menyatakan bahawa UMNO telah berjanji pada diri mereka, berjanji pada agama Islam, kepada bangsa Melayu dan Malaysia bahawa UMNO tidak mengenenpikan agama serta bangsa dan budaya lain tetapi kalau UMNO dikehendaki kononnya untuk meratifikasikan ICERD yang menyamakan agama Islam dengan agama lain dan sebagainya lagi UMNO akan bangun, UMNO terus menolak ICERD ini (UMNO Online, 2018).

PAS pula pada masa yang sama turut membantah ratifikasi ICERD dan turut membantah ratifikasi Kovenan Antarabangsa Hak Sivil dan Politik (ICCPR). Ketua Penerangan PAS, Nasrudin Hassan menyatakan bahawa tiada keperluan untuk ICERD dan ICCPR diratifikasikan di negara ini kerana semua rakyat mendapat layanan yang adil. Beliau juga menyatakan bahawa

ratifikasi ini akan menghapuskan kedudukan Islam dan keistimewaan Melayu dalam perlembagaan. Pada masa yang sama, PAS turut menyeru seluruh pimpinan dan ahli PAS untuk membantah ratifikasi kedua-dua konvensyen ini dan terus berusaha bagi memastikan konvensyen ini tidak akan diratifikasikan (MalaysiaKini, 2018).

### **3. Proses Ke Arah Penyatuan UMNO dan PAS**

Proses penyatuan antara UMNO dan PAS sebenarnya bermula secara tidak langsung ketika Parlimen mula bersidang pada Julai 2018. Pada masa itu, kedua-dua parti keluar dewan selepas beberapa minit sidang bermula sebagai tanda bantahan terhadap pelantikan Yang Dipertua Dewan Rakyat pada masa itu, iaitu Datuk Mohamad Ariff Yusof. Menurut Datuk Takiyuddin Hassan, Ahli Parlimen PAS kawasan Kota Bharu, pelantikan Datuk Ariff sebagai speaker adalah bertentangan dengan peraturan dewan mesyuarat yang perlu mengikut Peruntukan 4 (1) iaitu pelantikan speaker baharu perlu dimaklumkan kepada ahli Dewan Rakyat dalam masa 14 hari (Malaysiakini, 2018). Ketua Pembangkang, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi pula mengatakan bahawa pelantikan speaker baharu ini tidak mengikut prosedur yang sepatutnya. Tan Sri Annuar Musa pula menyatakan bahawa pembangkang tidak memboikot Parlimen tetapi sebaliknya tidak mahu bersekongkol dengan perkara yang sememangnya tidak dipatuhi (UMNO Online, 2018).

Proses ini diteruskan lagi melalui kedua-dua parti ini saling memberi laluan sesama sendiri dalam menghadapi beberapa siri Pilihanraya kecil (PRK) yang diadakan berikutan berlakunya kekosongan kerusi. PRK DUN Sungai Kandis menjadi medan pertama dimana PAS telah memberi laluan kepada UMNO-BN untuk bertanding di kawasan tersebut. Namun begitu, keputusan untuk memberi laluan ini bukanlah bermakna PAS akan turun membantu UMNO-BN berkempen, sebaliknya hanyalah sebagai satu persefahaman sahaja dan kerjasama blok pembangkang seperti yang dikatakan oleh Pengarah Pilihan Raya PAS Selangor, Roslan Shahir (Harian Metro, 2018). Sebagai balasan, UMNO telah memberi laluan kepada PAS untuk bertanding di PRK DUN Seri Setia. Ianya diberikan sebagai timbal balik dan membalas jasa PAS yang telah memberi laluan kepada UMNO dalam PRK DUN Sungai Kandis. Malah, UMNO menganggap ianya adalah satu titik permulaan dan persefahaman antara dua parti Melayu Islam tersebut, sebagaimana yang telah dinyatakan oleh Datuk Seri Mohamad Hasan, Timbalan Presiden UMNO. Bagi menunjukkan kesungguhan UMNO dalam membantu PAS, beliau juga turut turun ke Seri Setia bagi berkempen untuk membantu calon PAS (BH Online, 2018). Kerjasama ini telah diteruskan di PRK-PRK lain sehinggalah PRK terakhir sebelum kejatuhan kerajaan PH iaitu di PRK Kimanis.

Seterusnya, proses ini menjadi lebih hebat lagi ketika kedua-dua parti ini saling berjuang untuk membantah ratifikasi ICERD. Ketika kerajaan bertegas untuk meratifikasikan ICERD, Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia bersama Dewan Pemuda PAS Malaysia telah menggerakkan perhimpunan pertama membantah ICERD di SOGO, Kuala Lumpur dimana lebih 5,000 orang telah menyertai perhimpunan tersebut. Himpunan ini seterusnya telah digerakkan ke seluruh negara bagi mencetuskan kesedaran rakyat mengenai bahaya ICERD ini diratifikasikan. Kemuncaknya, pada 8 disember 2018, satu perhimpunan massa yang mengumpulkan lebih 500,000 orang telah diadakan di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur dimana ianya telah dianjurkan oleh UMNO, PAS dan NGO-NGO besar seperti UMMAH dan ISMA. Perhimpunan ini bukan sahaja menjadi isyarat terhadap proses penyatuan yang lebih kuat antara UMNO dan PAS, tetapi juga adalah satu isyarat kepada kerajaan PH pada masa itu agar lebih sensitif terhadap isu-isu melibatkan Melayu dan Islam (UMNO Online, 2018). Malangnya, PH melihat himpunan tersebut tidak lebih daripada sekadar untuk kepentingan UMNO dan PAS.

Menurut Mukhriz Mahathir, Timbalan Presiden BERSATU, perhimpunan tersebut hanyalah satu cara untuk menggoyahkan keutuhan PH dan menggunakan isu perkauman (BH Online, 2018). Hal ini kerana PH sebenarnya telah membatalkan hasrat untuk meratifikasikan ICERD pada 23 November 2018, kira-kira dua minggu sebelum Himpunan tersebut diadakan.

Selepas perhimpunan tersebut, pelbagai siri himpunan, dialog antara kedua-dua parti serta program-program telah dijalankan oleh kedua-dua parti. Kemuncaknya adalah Himpunan Penyatuan Ummah yang telah diadakan pada 14 September 2019. Himpunan yang digelar HPU914 ini mencatat sejarah kerana buat pertama kalinya, UMNO dan PAS bersama-sama berhimpun di PWTC yang merupakan kubu UMNO. PWTC telah menjadi saksi dimana dua parti Melayu Islam tertua di negara ini bersatu dan bersama-sama menandatangani piagam kerjasama UMNO dan PAS dan dinamakan sebagai Piagam Muafakat Nasional. Dalam piagam ini, terdapat lima perkara yang telah digariskan. lima perkara tersebut ialah:

- **MENJUNJUNG DAN MEMPERTAHANKAN** keluhuran Perlembagaan Persekutuan, yang menjamin pembentukan Negara, Islam sebagai Agama Persekutuan, Kedaulatan Raja-Raja Melayu, Kedudukan Istimewa Orang Melayu dan Bumiputera serta kepentingan sah kaum-kaum lain, Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan serta Menjamin Kepentingan Masyarakat Majmuk Terpelihara;
- **MEMPERKUKUHKAN** Muafakat Nasional melalui amalan musyawarah yang melibatkan pelbagai latar agama, kaum dan budaya demi kepentingan negara.
- **MEMPERKASAKAN** agenda Islam, Melayu dan Bumiputera secara tuntas dalam kerangka Perlembagaan Persekutuan demi membangunkan watan yang sejahtera.
- **MEMBENTUK KERJASAMA** dengan mengembangkan naratif (Islam dan bangsa Melayu) tanpa menafikan kepelbagaian agama, kaum dan budaya sebagai paksi kepada kestabilan politik, keharmonian kaum dan kesejahteraan negara.
- **MENGIKHTIARKAN** secara kolektif satu citra dan tawaran baru untuk negara dalam meningkatkan tadbir urus yang baik, dasar pembangunan yang inklusif dan sejahtera serta pengagihan yang menyuburkan keadilan sosial merentasi batas warna kulit dan anutan.

Menurut Presiden UMNO, penyatuan ini perlu kekal selamanya dan UMNO serta PAS tidak lagi boleh bersaing sesama sendiri dimana persaingan tersebut akhirnya akan membawa kepada kemusnahan (Astro Awani, 2019). Beliau juga menambah, HPU914 bukan kerana agenda politik semata-mata, tetapi berpandukan kepada akhidah dan keikhlasan. Presiden PAS pula menyatakan bahawa titik persamaan yang wujud antara kedua-dua parti menunjukkan penyatuan ini adalah relevan kepada seluruh rakyat Malaysia. Hal ini kerana, matlamat kedua-dua parti ini adalah sama iaitu kedudukan agama Islam, bahasa kebangsaan serta memperjuangkan Perlembagaan Persekutuan (Astro Awani, 2019). Beliau juga turut menyatakan bahawa perbezaan yang berlaku selama ini hanyalah daripada segi teknikal dan ianya adalah sesuatu yang bukan di luar norma.

Rentetan daripada HPU914 ini juga, UMNO terus bergerak dengan lebih serius dalam meneruskan agenda penyatuan ummah dan Muafakat Nasional ini. Pada Perhimpunan Agung UMNO (PAU) 2019, UMNO telah membuat satu usul khas iaitu meminda fasal 3 Perlembagaan parti tersebut dengan meletakkan agama Islam di hadapan dalam perjuangan parti. Mengikut

fasal 3 perlembagaan UMNO sebelum ini, asas dan tujuan parti adalah "UMNO adalah sebuah parti politik yang berjuang mendukung cita-cita kebangsaan Melayu demi mengekalkan maruah dan martabat bangsa, agama dan negara." Dengan meletakkan agama Islam di hadapan, UMNO dilihat serius melakukan perubahan parti. Malah Khaled Nordin juga menyatakan bahawa UMNO meminda perlembagaan mereka kerana mahu perubahan yang serius, boleh difahami dan boleh dilihat oleh semua rakyat (UMNO Online, 2019).

### **Kesan Penyatuan UMNO dan PAS Ke Atas Kerajaan Pakatan Harapan**

Sejak awal pemerintahan kerajaan PH, populariti kerajaan PH semakin tercabar kerana pelbagai masalah yang berlaku terutamanya melibatkan pelaksanaan Manifesto 10 Janji 100 Hari yang dilakukan oleh kerajaan PH. Satu kajian yang telah dijalankan oleh KAJIDATA Research menunjukkan bahawa 44.4% rakyat tidak berpuas hati dengan PH dalam melaksanakan janji manifestonya. Walaupun ianya masih tidak mencecah 50%, tetapi ianya menunjukkan bahawa rakyat cakna mengenai kerajaan PH yang tidak proaktif dalam melaksanakan manifesto mereka. Keadaan ini diburukkan lagi dengan dilema dan cabaran yang terpaksa dihadapi oleh kerajaan PH dibawah pimpinan Tun Dr. Mahathir terutamanya dalam soal pelaksanaan reformasi, kos sara hidup rakyat dan janji-janji pilihan raya. Perkara ini terhalang kerana sistem yang diwarisi daripada pemerintahan lama masih tidak ditukar dan diamalkan seperti biasanya terutamanya amalan-amalam seperti kronisme dan nepotisme (Muhammad Nadzri, 2020). Selain itu, perubahan yang cuba dilakukan oleh PH juga lebih berbentuk kepada asas negara dan perkara-perkara yang non-material, yang akhirnya menyebabkan kemarahan orang ramai khususnya masyarakat Melayu Islam. Sikap kerajaan PH yang progresif telah mendatangkan kemarahan masyarakat Melayu Islam khususnya di Semenanjung yang masih dengan pegangan konservatif (Muhamad Nadzri, 2020).

Parti-parti pembangkang melihat kelemahan kerajaan PH ini sebagai peluang untuk barisan pembangkang memperkuat parti mereka, khususnya UMNO dan PAS. Kerjasama UMNO dan PAS dalam beberapa siri PRK telah membuahkan hasil yang diharapkan. Kerjasama longgar yang dilakukan oleh kedua-dua parti itu pada peringkat awal telah membuahkan hasil apabila kedua-dua parti ini berjaya menurunkan majoriti kemenangan PH di kerusi seperti Sungai Kandis dan Seri Setia. Setelah Himpunan 812 berjaya dianjurkan dan memperlihatkan kerjasama yang lebih kuat antara UMNO dan PAS, PRK yang berlaku selepas itu telah menunjukkan keputusan yang amat memberangsangkan buat kedua-dua parti tersebut. BN telah berjaya memenangi lima PRK bermula dengan PRK Cameron Highlands sehingga ke PRK Kimanis, hasil daripada kerjasama yang utuh antara kedua-dua parti. Berikut adalah keputusan PRK pasca PRU-14 sehingga sebelum kejatuhan kerajaan PH:

Jadual 1. Keputusan Pilihanraya Kecil pasca PRU-14 sehingga kejatuhan kerajaan Pakatan Harapan

| PILIHANRAYA KECIL<br>DUN/PARLIMEN | BARISAN<br>NASIONAL | PAS  | PAKATAN<br>HARAPAN | MAJORITI |
|-----------------------------------|---------------------|------|--------------------|----------|
| DUN Sungai Kandis                 | 9585                | -    | 15427              | 5842     |
| DUN Balakong                      | 3975                | -    | 22508              | 18533    |
| DUN Seri Setia                    | -                   | 9698 | 13725              | 4027     |

|                            |       |      |       |       |
|----------------------------|-------|------|-------|-------|
| Parlimen Port Dickson      | -     | 7456 | 31016 | 23560 |
| Parlimen Cameron Highlands | 12038 | -    | 8800  | 3238  |
| DUN Semenyih               | 19780 | -    | 17866 | 1914  |
| DUN Rantau                 | 10397 | -    | 5887  | 4510  |
| Parlimen Sandakan          | -     | -    | 16012 | 11521 |
| Parlimen Tanjung Piai      | 25466 | -    | 10380 | 15086 |
| Parlimen Kimanis           | 12706 | -    | 10677 | 2029  |

\*parti yang memenangi pilihanraya dihitamkan pada jumlah undian

Merujuk kepada jadual, dapat dilihat BN mula mendapat rentak kemenangan PRK selepas himpunan bantah ICERD (Himpunan 812) yang dijalankan bersama-sama PAS dan kedua-dua parti ini mencapai persefahaman untuk bekerjasama dengan lebih kuat dalam siri PRK seterusnya. Bukan itu sahaja, BN juga berjaya merampas dua kerusi milik PH iaitu DUN Semenyih dan juga Parlimen Tanjung Piai. Hal ini menunjukkan bahawa kerjasama antara kedua-dua parti ini telah memberi kesan yang signifikan kepada BN khususnya dalam memenangi siri PRK yang diadakan sejak 2019.

Kerjasama ini sebenarnya berjaya kerana undi tetap penyokong BN dan penyokong PAS telah bercampur dan disatukan. Antara faktor lain kekalahan BN dalam PRU-14 adalah kerana berlakunya pecah undi antara tiga parti iaitu BN, PH dan PAS. Sebenarnya, jika PRU-14 dahulu PAS sudah bergabung dengan BN, kemenangan mungkin masih kepada BN. Hal ini kerana banyak kerusi yang pernah dimenangi BN tetapi tewas kepada PH adalah kerana belakunya pecah undi antara BN dan PAS. Untuk melihat senario ini, kita boleh melihat kepada beberapa kerusi yang dimenangi oleh PH. Sebagai contoh, di Parlimen Kangar. Pada PRU-13, BN memenangi kerusi tersebut selepas pertarungan dua penjur dengan PAS yang pada masa itu merupakan sebahagian daripada Pakatan Rakyat (PR), tetapi pada PRU-14, BN tewas kepada PKR kerana berlakunya pecah undi antara BN, PKR dan PAS. Jika undi BN dan PAS digabungkan, BN mungkin masih akan memegang kerusi tersebut. Keadaan ini bukan sahaja berlaku di Kangar, tetapi juga di kawasan lain seperti Parlimen Temerloh. Malah pecah undi ini juga berlaku di Tanjung Piai. Di Tanjung Piai, Dr. Md Farid menang dengan 21,255 undi, menewaskan Wee Jeck Seng yang mendapat 20731 undi manakala calon PAS iaitu Nordin Othman mendapat 2962 undi (SPR, 2018). Tetapi jika undi BN dan PAS digabungkan, maka situasi di Tanjung Piai akan berubah.

Kemenangan BN dalam pelbagai siri PRK ini hakikatnya boleh dicapai setelah BN dan PAS sama-sama bersatu dan bekerjasama dalam kempen-kempen PRK. Tetapi ianya tidak dapat menafikan faktor kerajaan PH sendiri yang tidak kompeten dalam mentadbir sebagai sebuah kerajaan. Sentimen anti-PH yang meningkat pada 2019 telah memberikan nilai tambah kepada kemenangan BN dalam siri PRK pada tahun 2019. Ketidakupayaan kerajaan PH dalam mengubah dasar yang diharapkan juga mengundang protes daripada pengundi PH sendiri dan ianya berjaya dimanfaatkan oleh BN. Di Tanjung Piai misalnya, kerajaan PH mendapat protes daripada pengundi-pengundi cina yang tidak turun mengundi kerana ketidakupayaan kerajaan PH dalam membuat perubahan yang diinginkan mereka. Tindakan kerajaan PH yang tidak berani untuk mengiktiraf UEC iaitu sebuah peperiksaan untuk sekolah persendirian cina mengundang kemarahan pengundi-pengundi cina. Kegagalan PH untuk menangkis persepsi kerajaan PH yang dibayangi DAP juga berjaya dimanfaatkan sepenuhnya oleh UMNO dan PAS dalam siri kempen

mereka. Malah parti yang mengetuai PH iaitu BERSATU juga dilihat lebih mengikut rentak parti pembangkang yang pada akhirnya telah mendatangkan kemarahan pengundi PH yang terdiri daripada pelbagai kaum (Muhammad Nadzir, 2020).

#### **4. Kesimpulan**

Walaupun PH berjaya menewaskan BN dalam PRU-14, namun momentum tersebut tidak dapat diteruskan kerana UMNO dan PAS berjaya memperkuat barisan pembangkang dan berjaya memanfaatkan kelemahan PH sendiri. tindakan UMNO dan PAS yang bersatu melalui Muafakat Nasional selepas sekian lama bersengketa telah memberi manfaat kepada kedua-dua buah parti, terutamanya dalam menekan kerajaan PH. Kejayaan dalam beberapa siri PRK telah berjaya menunjukkan hasilnya. Kejayaan penyatuan ini juga telah mengembalikan politik Malaysia kepada sistem gabungan dua parti, dimana ianya terpecah kepada tiga pada PRU-14 yang lalu. Namun begitu, kejayaan yang dicapai oleh kedua-dua parti ini bukanlah semata-mata kerana kekuatan kedua-dua parti ini, tetapi juga turut dibantu oleh kelemahan kerajaan PH itu sendiri. Pentadbiran kerajaan PH hanya dilihat sebagai perubahan pentadbiran dan bukannya perubahan rejim (Lopez, 2019). Walaupun penyatuan ini berjaya atas faktor bangsa dan agama serta kelemahan kerajaan PH, tetapi untuk mengatakan bahawa kerajaan PH adalah kerajaan yang terlalu buruk adalah satu pandangan yang tidak betul dan berat sebelah. Hal ini kerana PH juga telah berjaya membawa perubahan yang signifikan terutamanya daripada segi kebebasan asasi yang turut mendapat pujian badan-badan antarabangsa. Malah untuk mengukur kegagalan kerajaan PH daripada PRU-14 hingga kejatuhan kerajaan tersebut pada tahun 2020 bukanlah satu langkah yang bijak. Hal ini kerana kerajaan PH telah jatuh kerana masalah dalaman yang berlaku antara parti-parti dalam PH dan krisis itu telah membawa kepada kejatuhan kerajaan apabila BERSATU keluar daripada gabungan PH dan membentuk kerajaan baharu yang digelar kerajaan Perikatan Nasional bersama-sama BN, PAS dan GPS. Perubahan kerajaan ini sebenarnya telah membawa Muafakat Nasional ini ke satu dimensi baharu dan situasi politik Malaysia menjadi semakin dinamik dan kompleks.

#### **Penghargaan**

Kajian ini merakamkan penghargaan kepada Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia bagi *Fundamental Research Grant Scheme* (FRGS/1/2023/SS10/USM/01/2).

#### **References**

- Astro Awani (2019). HPU 914 Jangan Terputus di Tengah Jalan – Zahid Garis Enam Prinsip Penyatuan. Dilayari daripada <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/hpu914-jangan-terputus-di-tengah-jalan-zahid-garis-enam-prinsip-penyatuan-217515> pada 20 Januari 2021.
- Astro Awani (2019). PAS-UMNO Tak Perlu Risau Titik Penyatuan Kami – Hadi Awang. Dilayari daripada <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pasumno-tak-perlu-risau-titik-persamaan-menyatukan-kami-hadi-awang-217512> pada 20 Januari 2021.
- BH Online (2018). BN Beri Laluan Kepada PAS di Seri Setia. Dilayari daripada <https://www.bharian.com.my/berita/politik/2018/08/457400/bn-beri-laluan-kepada-pas-di-dun-seri-setia> pada 13 Januari 2021
- BH Online (2018). Himpunan Hanya Untuk Kepentingan PAS UMNO – Mukhriz. Dilayari daripada <https://www.bharian.com.my/berita/politik/2018/12/506475/himpunan-hanya-untuk-kepentingan-pas-umno-mukhriz> 14 Januari 2021.
- BH Online (2018). UMNO, PAS dan NGO Melaka Mahu Waytha Moorthy Dikenakan



- Tindakan. Dilayari daripada <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2018/11/500255/umno-pas-ngo-melaka-mahu-waytha-moorthy-dikenakan-tindakan> 10 Januari 2021.
- Harian Metro (2018). PAS Beri Laluan Sahaja. Dilayari daripada <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2018/07/360649/pas-beri-laluan-sahaja> 12 Januari 2021.
- Lopez, Gregory P. 2019. "GE14 – Regime Change or Regime Maintenance?". 16 December. Public forum conducted by Faculty of Economics & Administration, University of Malaya. Pada 1 Februari 2021.
- MalaysiaKini (2018). MP Umno, PAS keluar dewan. Dilayari daripada <https://www.malaysiakini.com/news/434359> 12 Januari 2021.
- MalaysiaKini (2018). The ICERD Outrage. Dilayari daripada <https://pages.malaysiakini.com/icerd/en/> pada 13 Januari 2021
- Mohd Nizah, Mohd Azmir & Yaakub, Mohammad. (2016). Dinamika Kesepaduan Politik Melayu-Islam: Analisis Hubungan Umno-Pas 2010-2015. Prosiding Persidangan Pemantapan Citra Kenegaraan 4 (COSNA4)
- Muhamad Nadzri (2020). Pilihan Raya dan Politik Malaysia Pasca Pru 2018: Persaingan, Dinamik dan Implikasi. Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies, Vol. 47 (1) (April 2020): 150-175 1 Februari 2021
- Nasrudin Hassan (2018). Bantah Tommy Thomas Sebagai AG. Dilayari daripada <https://www.facebook.com/ustaztantawi/posts/bantah-tommy-thomas-sebagai-agpagi-ini-terganggu-sedikit-dengan-berita-cadangan-/10155301953992312/> pada 10 Januari 2021.
- SPR (2021). Keputusan Pilihan Raya. Dilayari daripada <https://www.spr.gov.my/ms/keputusan-pilihan-raya> pada 1 Februari 2021
- Tee, Kenneth. 2019. "Ilham Centre: Pakatan yet to gain Malay votes, failed to manage perception war after GE14", The Malay Mail, 19 September, <https://www.malaymail.com/news/malaysia/2019/09/19/ilham-centre-pakatan-yet-to-gain-malay-votes-failed-to-manage-perception-war/1792226>. Pada 1 Februari .
- UMNO Online (2018). Ahli Parlimen BN dan PAS Keluar Dewan Bantah Pelantikan Speaker Tidak Ikut Prosedur – Zahid. Dilayari daripada <https://umno-online.my/2018/07/16/ahli-parlimen-bn-pas-keluar-dewan-bantah-pelantikan-speaker-tidak-ikut-prosedur-zahid/> 12 Januari 2021.
- UMNO Online (2018). ICERD: UMNO Tidak Akan Berkompromi – Zahid. Dilayari daripada <https://umno-online.my/2018/11/11/icerd-umno-tidak-akan-berkompromi-zahid/> pada 12 Januari 2021.
- UMNO Online (2019). Piagam Muafakat Nasional. Dilayari daripada <https://umno-online.my/wp-content/uploads/2019/09/PIAGAM-MUFAKAT-NASIONAL.pdf> pada 20 Januari 2021.
- UMNO Online. (2018). Pelantikan Tommy Thomas Sebagai Peguam Negara Bercanggah Dengan Manifesto PH, Tidak Selari Dengan Perlembagaan Persekutuan. Dilayari daripada <https://umno-online.my/2018/06/03/pelantikan-tommy-thomas-sebagai-peguam-negara-bercanggah-dengan-manifesto-ph-tidak-selari-dengan-perlembagaan-persekutuan/> 10 Januari 2021.